

Headline	3,391 isi rumah sudah dapat manfaat Bakul Prihatin Negara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	16
ArticleSize	240 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 23,933		



## 3,391 isi rumah sudah dapat manfaat Bakul Prihatin Negara

**Kuala Lumpur:** Seramai 1,017 penerima membabitkan 3,391 isi rumah sudah mendapat manfaat daripada Bakul Prihatin Negara setakat jam 5 petang semalam.

Jurucakap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkata, penerima manfaat yang ditambah baik daripada Program Bantuan Bakul Makanan berkenaan meliputi sebanyak 48 daerah di 11 negeri.

"Penerima mengemukakan permohonan menerusi tiga saluran yang diaktifkan di bawah

KPWKM," katanya semalam.

Sebanyak RM21 juta diperuntukkan untuk menjayakan inisiatif Bakul Prihatin Negara bagi menzahirkan kecaknaan dan keprihatinan kerajaan terhadap kehidupan rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Inisiatif berkenaan yang digerakkan ke seluruh negara sejak 15 Julai lalu, dilakukan hasil kerjasama strategik membabitkan kerajaan dan syarikat korporat, dengan pelaksanaan penyampaian bantuan oleh Sukarelawan Skuad Prihatin Negara kendali-

an Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pelaksanaan Bakul Prihatin Negara membabitkan peruntukan kerajaan RM5 juta manakala tambahan RM16 juta lagi hasil sumbangan lima syarikat korporat iaitu PETRONAS, AEON Group Malaysia, Pharmaniaga, Tenaga Nasional Bhd dan Telekom Malaysia Bhd.

Menerusi program ini kerajaan menyasarkan mengagihkan 420,000 bakul makanan yang akan memanfaatkan seramai 1.68 juta isi rumah.



Penduduk di Kubang Pasu menerima sumbangan Bakul Prihatin Negara.